

SABAK BERNAM, 22 MAC (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN AKAN MEMBERIKAN PERHATIAN LEBIH BERAT TERHADAP KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH DI KAWASAN LUARBANDAR.

INI ADALAH MEMANDANGKAN SEKOLAH-SEKOLAH DI LUARBANDAR DI SELURUH NEGARA TERLALU BANYAK YANG MASIH TERBIAR DALAM KEADAAN YANG MENYEDIHKAN, KATANYA.

DR. MAHATHIR, JUGA MENTERI PELAJARAN MENERANGKAN, BAGAIMANAPUN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN ITU ADALAH TERHAD, KERANA PERUNTUKAN NEGARA YANG BESAR DIBERI KEPADA PERTAHANAN UNTUK MENGUJUDKAN KEAMANAN.

+TANPA KEAMANAN TIDAK GUNA KITA MEMPUNYAI SEKOLAH-SEKOLAH YANG SERBA LENGKAP JIKA PELUANG UNTUK BELAJAR TERANCAM,+ KATANYA BERUCAP MERASMIKAN SEKOLAH KEBANGSAAN TEBOK JAWA DEKAT SINI HARI INI.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN, KEMENTERIAN TERPAKSA MENUMPUNKAN PERHATIAN TERHADAP SEKOLAH-SEKOLAH DI LUARBANDAR DENGAN PERUNTUKAN TERHAD ITU AGAR KEMUDAHAN PELAJARAN DAPAT DIRASAI DAN DINIKMATI OLRH RAKYAT. -- BERSAMBUNG 1135/SZ

512
MAHATHIR-PELAJARAN 2 SABAK BERNAM

DR. MAHATHIR MENYERU PIHAK-PIHAK PENTADBIR SEKOLAH-SEKOLAH LUARBANDAR SUPAYA MENGGUNAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN DENGAN SEBAIK-BAIKNYA.

MEREKA HENDAKLAH MENGGUNAKAN DAYA USAHA SERTA PENILAIAN YANG SEBAIK-BAIKNYA SUPAYA MURID-MURID DAPAT MENERIMA PELAJARAN DENGAN SEMPURNA DAN BERKESAN.

PERBINCANGAN-PERBINCANGAN HENDAKLAH JUGA DIADAKAN DENGAN PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU BAGI MENENTUKAN SETIAP PROJEK DAPAT BERJALAN DENGAN JAYANYA.

MENGENAI RANCANGAN TADIO DAN TV PENDIDIKAN, DR. MAHATHIR DUKACITA KERANA WALAUPUN KEMENTERIANNYA MEMBELANJAKAN \$2 JUTA SETAHUN UNTUKNYA TETAPI PENGGUNAANNYA DI SEKOLAH-SEKOLAH MASIH BELUM MEMUASKAN.

BELIAU MENYERU GURUBESAR-GURUBESAR SUPAYA MENGAMBIL INISIATIF MENYUSUN JADUAL WAKTU YANG SESUAI UNTUK MEMBOLEHKAN MURID-MURID MENGIKUTI RANCANGAN TERSEBUT. -- BERSAMBUNG 1140/SZ

513
MAHATHIR-PELAJARAN 3 SABAK BERNAM

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH PUN MENETAPKAN SEMUA MATAPELAJARAN PRAKTIKAL SEPERTI HISAB DAN SAINS DILEBIHKAN MELALUI TV PENDIDIKAN.

MATAPELAJARAN HUMANITIES DAN SASTERA SAPERTI BAHASA, MUZIK, ILMU ALAM, SEJARAH DAN SIBIK PULA DILEBIHKAN DI RADIO PENDIDIKAN.

INI MENURUTNYA, ADALAH KERANA MELALUI RADIO PARA PELAJAR DAPAT MENGGUNAKAN DAYA IMIGINASI YANG LEBIH MELALUI PENDENGARAN SAJA.

BAGI PELAJARAN PRAKTIKAL SAPERTI HISAB DAN SAINS ADALAH LEBIH BERKESAN JIKA IA DIADAKAN DENGAN CARA MENDENGAR DAN MELIHAT.
-- BERNAMA 1145/SZ

593:

MAHATHIR-PELAJARAN 4 SABAK BERNAM (SAMBUNGAN BERITA 513)

DR. MAHATHIR KEMUDIAN TELAH MERASMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT BAHARU DEKAT SINI.

DALAM UCAPANNYA, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENINGATKAN IBU-BAPA DAN PARA PELAJAR BERHATI-HATI MEMILIH SEBELUM MEMASUKI SEKOLAH-SEKOLAH SWASTA YANG BEGITU BANYAK DITUBUHKAN DI NEGARA INI.

BELIAU BERHARAP MEREKA AKAN MEMBUAT PEMILIHAN YANG BENAR-BENAR TELITI DAN JANGAN MUDAH TERTARIK DENGAN IKLAN-IKLAN YANG DIKELUARKAN OLEH SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT.

KATANYA: +SAYA TELAH MENDAPAT TAHU ADA SETENGAH SEKOLAH-SEKOLAH INI TIDAK UJUD SAMA SEKALI.

+KADANGKALA IA HANYA DIKELOLAKAN OLEH SEORANG SAJA YANG MANA DI DALAM IKLANNYA DINYATAKAN WANG PENDAHULUAN SERTA PEMBAYARAN-PEMBAYARAN LAIN YANG DIPERLUKAN.+

DR. MAHATHIR BERKATA APABILA IBUBAPA DAN PENUNTUT MEMBAYAR SEMUA PEMBAYARAN ITU AKHIRNYA WANG ITU LESAP SAJA DAN BERITA TENTANG SEKOLAH BERKENAAN HILANG BEGITU SAJA.

+PIHAK IBUBAPA PULA TIDAK AKAN DAPAT BERBUAT APA-APA KERANA PIHAK YANG BERKENAAN TIDAK LAGI DAPAT DIHUBUNGI.+ -- BERSAMBUNG 1744/ZCM

594:

MAHATHIR-PELAJARAN 5 SABAK BERNAM

DR. MAHATHIR MENYERU IBUBAPA DAN PARA PELAJAR YANG INGIN MAMASUKI SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT SUPAYA MENGHUBUNGI KEMENTERIAN PELAJARAN ATAU JABATAN PELAJARAN NEGERI UNTUK MEMASTIKAN SEKOLAH-SEKOLAH ITU BENAR-BENAR UJUD.

LANGKAH INI AKAN DAPAT MENGELAKKAN IBUBAPA DAN PARA PELAJAR DARI DITIPU OLEH PIHAK-PIHAK YANG SEMATA-MATA INGIN Mencari KEUNTUNGAN SAJA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU JUGA MENEGASKAN BAHAWA TIDAK ADA PERBEZAAN ANTARA SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN DENGAN SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN YANG DULUNYA DIKENALI SEBAGAI SEKOLAH RENDAH INGGERIS.

SELAIN DARI BAHASA PENGHANTAR YANG SAMA, SEKOLAH KEBANGSAAN JUGA MEMPUNYAI GURU-GURU TERLATIH YANG MENCUKUPI SERTA KELENGKAPAN DAN KEMUDAHAN YANG SEMPURNA.

DENGAN PENJELASAN ITU, BELIAU BERHARAP PARA IBUBAPA TIDAK AKAN BERSIKAP MEMILIH SEKOLAH UNTUK MEMASUKKAN ANAK-ANAK MEREKA. -- BERNAMA 1750/ZCM